

Perlis, Kedah catat jumlah tertinggi pesakit buah pinggang

KANGAR - Perlis dan Kedah mencatatkan kes paling ramai pesakit buah pinggang, kata Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Buah Pinggang Negara (NKF), Chua Hong Wee.

Beliau berkata, penilaian tersebut dibuat berdasarkan kepada jumlah pesakit di kedua-dua negeri terbabit sejak beberapa tahun lalu.

“Kita tidak dapat pastikan apakah punca sebenar menyebabkan kedua-dua negeri ini mempunyai bilangan paling ramai pesakit buah pinggang, namun tidak mustahil kerana negeri ini mempunyai kilang gula,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan mesin hemodialisis bernilai RM45,000 sumbangan Persatuan Isteri Pegawai dan Kakitangan Petronas Malaysia (Petronita) melalui NKF untuk Pusat Hemodialisis Tuanku Syed Putra

(PHTSP) di Taman Bukit Kaya di sini semalam.

Hadir sama Ketua Biro Kebajikan Petronita, Nazrin Aneeza Nazaruddin dan Setiausaha Pengurusan PHTSP, Datuk Johari Mohd. Darus.

Hong Wee memberitahu, punca utama berlaku kes penyakit buah pinggang disebabkan kencing manis yang terlalu tinggi sehingga memberi kesan kepada fungsi buah pinggang.

Beliau berkata, NKF kini menyediakan 28 pusat rawatan hemodialisis di seluruh negara dengan kadar bayaran paling minimum.

“NKF memerlukan perbelanjaan RM36 juta bagi mengendalikan pusat rawatan tersebut setiap tahun. Justeru, pihak kami berharap sokongan dan sumbangan orang ramai yang berkemampuan bagi meneruskan program itu,” ujarnya. - Bernama



NAZRIN ANEEZA (tengah) meletakkan plak sebagai simbolik penyerahan sumbangan mesin hemodialisis kepada PHTSP di Kangar semalam.